

Headline	Buka pasar tani di masjid		
MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	332 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,632
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,896



# Buka pasar tani di masjid

Inisiatif ahli jawatankuasa Masjid Mukim Binjal imarahkan rumah ALLAH dapat pujian

PASIRMAS - Pembukaan pasar tani di kawasan masjid mampu mempelbagaikan lagi peranan rumah ibadat berkenaan yang sebelum ini banyak tertumpu kepada aktiviti keagamaan semata-mata.

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Hanafi Mamat berkata, peranan masjid perlu terus diperluaskan sejajar dengan apa yang diamalkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW ketika baginda menjadi pemimpin satu masa dahulu.

"Bila peranan masjid diperluaskan, secara tidak langsung ia mampu menarik lebih ramai masyarakat untuk mengimarahkan rumah ALLAH itu.

"Dengan cara ini, kita dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat selaras dengan tuntutan agama Islam.

"Saya memuji langkah yang diambil oleh ahli jawatankuasa Masjid Mukim Binjal yang menjadi masjid pertama di negeri ini mengadakan pasar tani khas untuk penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pelancaran Pasar Tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Masjid Mukim Binjal, Kangkong.

Turut hadir, Imam Muda, Muhd Afifi Mohd Noor dan Pentadbir Mukim Dun Chetok, Shamsudin Che Yusoff.

Hanafi yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Persekutuan (MPP) Parlimen Pasir Mas berkata, pembukaan pasar tani itu dapat merancakkan lagi kegiatan ekonomi di kawasan berkenaan.

Katanya, kewujudan pasar tadi berkenaan tepat pada masanya bagi membolehkan menduduki memasarkan hasil pertanian mereka secara terus tanpa menggunakan

orang tengah.

"Ini sejajar dengan kehendak kerajaan dalam berhijab memerangi orang tengah.

"Jadi saya berharap penduduk di sekitar kawasan ini dapat memanfaatkan kewujudan pasar tani tersebut sebaik mungkin," katanya.

Beliau berkata, program seperti ini wajar diperluaskan ke seluruh negara.

Katanya, apa yang dilakukan oleh Masjid Mukim Binjal, Kangkong ini wajar dijadikan contoh.

"Inilah langkah terbaik dalam menggerakkan dan mengembangkan lagi ekonomi dalam kalangan rakyat di sekitar kawasan itu," katanya.

Sementara itu, Muhd Afifi berkata, idea mewujudkan pasar tani di masjid tersebut adalah bagi membantu penduduk mendapatkan barangan mentah dengan harga murah.

Katanya, selain itu penduduk juga boleh membeli barangan itu secara terus dan segera.

"Melalui aktiviti ini juga, saya mahu penduduk menjadikan masjid sebagai pusat mengukuhkan ukhawah melalui pelbagai aktiviti.

"Apa yang saya lakukan ini selaras dengan tuntutan agama dengan mempelbagaikan peranan masjid," katanya.

**INFO** ● Operasi: Setiap Jumaat  
● Masa: 8 pagi hingga 1 tengah

hari  
● Jenis jualan: Barangan basah (daging, ayam, ikan), kering, sayur-sayuran, pakaian, makanan dan minuman serta barangan runcit

Headline	Buka pasar tani di masjid		
MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	332 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,632
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,896



Hanafi (empat, kanan) bersama mereka yang hadir menunjukkan hasil tanaman penduduk yang dijual di pasar tani Masjid Mukim Binjal.